



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 52  
No. 26

**18hb Disember 2008**

*TAMBAHAN No. 15  
PERUNDANGAN*

---

## AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

(Akta 172)

KAEDAH-KAEDAH BAYARAN PEMBEKALAN MAKLUMAT  
PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

### **J. P.U. 54.**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 58(2)(j) dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pihak Berkuasa Negeri Johor membuat kaedah-kaedah yang berikut:

#### **Tajuk dan permulaan kuatkuasa**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Bayaran Pembekalan Maklumat Perancangan Bandar Dan Desa** dan hendaklah berkuatkuasa bermula dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan di dalam *Warta*.

#### **Tafsiran**

2. Dalam kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteknya menghendaki makna yang lain—

“Maklumat Perancangan” ertinya pelan susun atur, peta, laporan-laporan yang dihasilkan daripada pemungutan, penyenggaraan dan penyiaran berhubung dengan Perancangan Bandar dan Desa di bawah perenggan 4(4)(c) Akta 172.

## JADUAL 1

## KADAR F1

BAGI PEMBEKALAN MAKLUMAT PERANCANGAN DAN LAPORAN PERANCANGAN  
(DIGITAL DAN BUKAN DIGITAL)

<i>Bil.</i>	<i>Perkhidmatan</i>	<i>Kadar F1</i>
		<i>Hitam Putih</i>
1.	Pembekalan salinan pelan susun atur, salinan pinta ukur, pembangunan sekitar, guna tanah semasa, pembangunan yang telah ditetapkan (komited), perumahan, kemudahan awam, perindustrian, zon guna tanah dan pelan-pelan lain yang berkaitan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) RM10.00 satu salinan bagi pelan yang mempunyai saiz bersamaan dengan saiz A4 atau kurang.</li> <li>(b) RM15.00 satu salinan bagi pelan yang mempunyai saiz bersamaan dengan saiz A3 atau kurang.</li> <li>(c) RM30.00 satu salinan bagi pelan yang mempunyai saiz bersamaan dengan saiz A2 atau kurang.</li> <li>(d) RM60.00 satu salinan bagi pelan yang mempunyai saiz bersamaan dengan saiz A1 atau kurang.</li> <li>(e) RM120.00 satu salinan bagi pelan yang mempunyai saiz bersamaan dengan saiz AO atau kurang.</li> </ul>
		<i>Berwarna</i>
2.	Pembekalan salinan pelan susun atur, salinan pinta ukur, pembangunan sekitar, guna tanah semasa, pembangunan yang telah ditetapkan (komited), perumahan, kemudahan awam, perindustrian, zon guna tanah dan pelan-pelan lain yang berkaitan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) RM20.00 satu salinan bagi pelan yang mempunyai saiz bersamaan dengan saiz A4 atau kurang.</li> <li>(b) RM40.00 satu salinan bagi pelan yang mempunyai saiz bersamaan dengan saiz A3 atau kurang.</li> <li>(c) RM80.00 satu salinan bagi pelan yang mempunyai saiz bersamaan dengan saiz A2 atau kurang.</li> <li>(d) RM160.00 satu salinan bagi pelan yang mempunyai saiz bersamaan dengan saiz A1 atau kurang.</li> <li>(e) RM320.00 satu salinan bagi pelan yang mempunyai saiz bersamaan dengan saiz AO atau kurang.</li> </ul>
3.	Semakan Fail dan Maklumat Perancangan	RM5.00 bagi setiap Fail/Maklumat Perancangan.

<i>Bil.</i>	<i>Perkhidmatan</i>	<i>Kadar F1</i>
4.	Pembekalan Salinan-	
	(a) Garis panduan, Piawaian Perancangan dan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 ( <i>Akta 172</i> ) serta lain-lain maklumat yang berkaitan.	(i) RM1.00 bagi setiap satu salinan muka surat.  (ii) Satu salinan dalam bentuk buku atau Laporan yang mana tertakluk kepada harga semasa yang ditetapkan.
	(b) Laporan Rancangan Struktur, Laporan Rancangan Tempatan dan lain-lain maklumat yang berkaitan.	(i) Satu salinan dalam bentuk buku atau Laporan yang mana tertakluk kepada harga semasa yang ditetapkan.
5.	Penyediaan draf pelan susun atur bagi sesuatu tapak/kawasan pembangunan termasuklah draf pelan pindaan serta memproses permohonan ulangan (rayuan) untuk meminda pelan susun atur bagi pelan-pelan susun atur yang telah diperakui oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.	Pindaan Kecil ke atas pelan susun atur atau permohonan perancangan (hanya melibatkan pindaan kecil ke atas tatatur atau sebarang pindaan pelan bangunan)-  (a) RM20.00 bagi pelan saiz A4  (b) RM40.00 bagi pelan saiz A3  (c) RM60.00 bagi pelan melebihi saiz A3.
		Pindaan Besar ke atas pelan susun atur atau permohonan perancangan (melibatkan perubahan secara keseluruhan teratur atau sesuatu permohonan perancangan)-  (a) RM40.00 bagi pelan saiz A4  (b) RM80.00 bagi pelan saiz A3  (c) RM120.00 bagi pelan melebihi saiz A3.
6.	Pembekalan Maklumat Geospatial (pelan dan atribut – dalam bentuk data spatial digital ‘Point’ atau ‘Polygon’) bagi Maklumat Rancangan Fizikal Negara RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD)-	
	(i) Rancangan Fizikal Negara	(i) RM95.95/MB @ RM0.096/KB
	(ii) Rancangan Struktur Negara	(ii) RM65.69/MB @ RM0.067/KB
	(iii) Rancangan Tempatan Daerah	(iii) RM57.33/MB @ RM0.057/KB
7.	Lain-lain maklumat yang harganya akan ditetapkan kemudian.	Kadar akan ditentukan kemudian.

Nota-

Justifikasi kadar bayaran-

Perkara Bil. 1

dan Bil. 2 : Kadar bayaran mengambil kira kos bahan seperti kertas, dakwat peralatan mesin pencetak dan perbandingan fi dengan negeri-negeri yang telah melaksanakan kadar fi.

Perkara Bil. 3 : Bayaran fi berdasarkan kepada kos dalam penyelenggaraan maklumat dan serta perbandingan fi dengan negeri-negeri yang telah melaksanakan kadar fi.

Perkara Bil. 4 : Kadar fi adalah berdasarkan kepada harga semasa yang telah ditetapkan.

Perkara Bil. 5 : Kadar fi mengambil kira kos bahan seperti kertas, dakwat, peralatan dan perbandingan fi dengan negeri-negeri yang telah melaksanakan kadar fi.

Perkara Bil. 6 : Bayaran fi berdasarkan kepada kos bagi membangunkan Sistem Maklumat Geospatial, Lapisan Data, Penyelenggaraan maklumat dan perbandingan fi dengan negeri-negeri yang telah melaksanakan kadar fi dan kadar yang telah diguna pakai oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia.

Bertarikh 28 November 2008

[JPBD J1/27/00267; PUNJ.N. 700-1/20/1-8(29)]

MOHD. HAFFIZ BIN HAJI AHMAD  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*

ENAKMEN RIZAB MELAYU 1936

PERINTAH RIZAB MELAYU (No. 24) 2008

J. P.U. 55.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(ii) Enakmen Rizab Melayu 1936 [Enakmen No. 1/1936], Raja dalam Mesyuarat dengan ini membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Rizab Melayu (No. 24) 2008** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 20 Ogos 2008.